Sorotan Penting

Tinjauan Kestabilan Kewangan – Separuh Pertama Tahun 2025

Pasaran kewangan domestik kekal teratur meskipun volatiliti pasaran global yang ketara

Volatiliti pasaran telah mereda berikutan jangkaan keputusan yang menggalakkan bagi rundingan perdagangan yang masih berlangsung dengan AS

Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (FMSI)

Tahap tekanan, % (Minimum=0, Maksimum=100)



Keadaan pasaran domestik yang teratur terus terpelihara, disokong oleh...

- Pasaran modal domestik yang teguh
- Institusi kewangan yang kukuh dan berdaya tahan
- Kehadiran berterusan kumpulan pelabur yang pelbagai
- Permintaan yang kukuh terhadap bon kerajaan

Institusi kewangan kekal berdaya tahan dengan kedudukan modal yang kukuh untuk memenuhi keperluan pembiayaan dan perlindungan

Bank-bank terus menunjukkan kedudukan modal dan mudah tunai yang kukuh...

18.2% Nisbah Jumlah Modal *(Dis. 2024: 18.6%)*

160.5% Nisbah Perlindungan Mudah Tunai *(Dis. 2024: 160.7%)*

115.7% Nisbah Pendanaan Stabil Bersih *(Dis. 2024: 116.3%)*

... disokong oleh kualiti aset yang utuh

1.4% Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar *(Dis. 2024: 1.4%)*

130.4% Nisbah Perlindungan Kerugian Pinjaman[1] *(Dis. 2024: 129.6%)*

Kedudukan modal penanggung insurans dan pengendali takaful kekal teguh untuk menghadapi sebarang rintangan

RM42 bilion
Lebihan Penampan Modal
(Dis. 2024: RM41 bilion)

222.5%
Nisbah Kecukupan Modal
(Dis. 2024: 224.3%)

Keupayaan isi rumah dan perniagaan untuk membayar balik hutang kekal utuh

Keupayaan isi rumah membayar balik hutang disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif

41% Median Nisbah Khidmat Hutang untuk Pinjaman Baharu *(Dis. 2024: 41%)*

1.4x Median Nisbah Hutang kepada Pendapatan *(Dis. 2024: 1.4x)*

1.7% Bahagian Pinjaman Isi Rumah di bawah RA[2] *(Dis. 2024: 1.8%)*

1.1% Nisbah Pinjaman Terjejas Isi Rumah *(Dis. 2024: 1.1%)*

Perniagaan kekal berdaya tahan dalam keadaan ketidakpastian perdagangan global, perkembangan geopolitik serta tekanan kos

7.3% Margin Operasi *(Dis. 2024: 8.0%)*

6.2x Nisbah Perlindungan Faedah *(Dis. 2024: 6.5x)*

24.4% Bahagian Syarikat yang Berisiko (Keseluruhan Perniagaan) *(Dis. 2024: 25.7%)*

1.5x Nisbah Tunai kepada Hutang Jangka Pendek *(Dis. 2024: 1.5x)*

[1] Termasuk rizab pengawalseliaan.
[2] Bahagian pinjaman isi rumah di bawah bantuan bayaran balik pinjaman (*repayment assistance*, RA) daripada jumlah keseluruhan pinjaman sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg, Reuters dan S&P Capital IQ

Rencana: Peralihan daripada KLIBOR[3] kepada MYOR/MYOR-i[4]

Malaysia sedang beralih kepada MYOR/MYOR-i yang lebih teguh dan berasaskan transaksi, selaras dengan pembaharuan penanda aras kewangan global

Berikutan ciri-ciri yang berbeza antara KLIBOR dengan MYOR/MYOR-i, peserta pasaran perlu memastikan persediaan yang mencukupi selaras dengan operasi dan dedahan masing-masing

1. **Mewujudkan Pengaturan Tadbir Urus Dalaman**
   Bagi memantau peralihan fungsi operasi dan segmen perniagaan kepada MYOR/MYOR-i
2. **Mengkaji Semula dan Mengemas Kini Kontrak**
   Bagi memastikan keselarasan dengan peralihan kepada MYOR/MYOR-i
3. **Menambah Baik Sistem-sistem**
   Bagi memastikan penyepaduan yang lancar dengan pengiraan baharu dan keperluan pelaporan
4. **Memastikan Sumber yang Mencukupi**
   Bagi melatih pekerja dan berinteraksi dengan pelanggan bagi menggalakkan kesedaran

Bagi memastikan peralihan yang selaras dan teratur, BNM juga telah bekerjasama dengan pemain utama industri untuk melaksanakan beberapa inisiatif seperti:

- **Penerbitan pelan hala tuju peralihan** yang menyatakan garis masa dan pencapaian penting bagi mempercepat penggunaan MYOR/MYOR-i oleh industri kewangan, dengan KLIBOR dijadualkan tamat pada akhir tempoh peralihan
- **Pertubuhan Jawatankuasa Kecil Penyelarasan Peralihan KLIBOR bersama-sama dengan empat Kumpulan Kerja di bawah Jawatankuasa Pasaran Kewangan** ditugaskan untuk mencadangkan konvensyen pasaran dan pendekatan pengurusan kontrak warisan
- **Mewujudkan halaman peralihan khusus** untuk menyampaikan maklumat terkini dan bahan ilmiah bagi menggalakkan kesedaran
- **Penerbitan MYOR/MYOR-i terkompaun dan indeks** untuk dijadikan piawaian untuk rujukan bagi peserta pasaran[5]
- **Usaha beriringan bagi menyokong peralihan MYOR-i dalam pasaran kewangan Islam**, termasuk menggalakkan aktiviti antara bank yang rancak, meluaskan penyertaan pasaran, meningkatkan keupayaan lindung nilai serta menggalakkan kepelbagaian instrumen kewangan berasaskan MYOR-i

Rencana: Perkembangan Usaha Memperkukuh Akauntabiliti Pengurusan Kanan Melalui Pemetaan Tanggungjawab

Pemetaan Tanggungjawab[6] mempertingkatkan standard amalan profesional dalam kalangan pengurusan kanan, menyokong kestabilan kewangan jangka panjang dan mendukung kepentingan terbaik institusi kewangan, pemegang saham dan pelanggan melalui budaya akauntabiliti yang lebih kukuh

Pemetaan Tanggungjawab

Objektif Dasar

Memperjelas tanggungjawab individu bagi setiap ahli pengurusan kanan dan memastikan mereka bertanggungjawab untuk hal ehwal di bawah bidang kuasa mereka	Memastikan tanggungjawab diamanahkan kepada individu yang mempunyai kecekapan dan keupayaan profesional untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut secara berkesan	Instrumen penyeliaan tambahan untuk menggalakkan budaya risiko yang kukuh dalam institusi kewangan

Prinsip Pemetaan Tanggungjawab

Prinsip 1	Prinsip 2	Prinsip 3	Prinsip 4
Mewujudkan proses untuk mengenal pasti dan menetapkan tanggungjawab kepada ahli pengurusan kanan	Menetapkan tanggungjawab individu kepada setiap ahli pengurusan kanan	Memastikan individu memenuhi standard yang dijangka daripada pihak pengurusan	Dokumentasi tanggungjawab yang lengkap dan dikemas kini

[3] Merujuk Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR).

[4] Merujuk Kadar Semalaman Malaysia (Malaysia Overnight Rate, MYOR) dan Kadar Semalaman Islam Malaysia (Malaysia Islamic Overnight Rate, MYOR-i).

[5] Akan diterbitkan pada suku keempat 2025.

[6] Dokumen dasar Pemetaan Tanggungjawab telah dikeluarkan pada 29 Disember 2023 dan akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2026.

Sumber: Bank Negara Malaysia